



KONSEP TASAWUF SYEIKH HAJI AHMAD SOHIBULWafa TAJUL ARIFIN BERDASARKAN KITAB *MIFTAH AL-SUDUR*

[SYEIKH HAJI AHMAD SOHIBULWafa TAJUL ARIFIN'S VIEWS ON TASAWUF WITH SPECIAL REFERENCE TO KITAB *MIFTAH AL-SUDUR*]

NURULHIDAYAH WAHAB^{1*}, ABDUL MANAM MOHAMAD^{2*}
& AHMAD BAZLI SHAFIE

- 1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: penaislamic@gmail.com; bazlishafie@unisza.edu.my
- 2 Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: abdulmanan@unisza.edu.my

Correspondent Email: abdulmanan@unisza.edu.my

Received: 2 January 2026

Accepted: 6 February 2026

Published: 6 March 2026

Abstrak: Tasawuf dan tarekat telah berkembang di Nusantara sejak 1400 tahun Masihi sebagai satu *manhaj* kerohanian menuju hakikat dan makrifat. Disiplin ilmu tasawuf merangkumi aspek spiritual, intelektual dan juga fizikal. Namun, aliran moden dan pasca moden menimbulkan kekaburan dan salah faham terhadap ilmu tarekat dan tasawuf dalam kalangan masyarakat Islam. Tasawuf dan tarekat digambarkan sebagai punca Islam dipandang sebagai agama yang payah, membebankan dan menghalang kemajuan orang ramai. Syeikh Haji Ahmad Sohbulwafa Tajul Arifin (Abah Anom) adalah antara tokoh ulama tasawuf dan tarekat yang berusaha memurnikan salah faham terhadap tasawuf dan mempertahankan keutuhan tasawuf melalui kitab *Miftāḥ al-Ṣudūr* yang merupakan hasil perjalanan kerohanian beliau sendiri untuk sampai kepada hakikat makrifat. Kajian yang berbentuk kualitatif dan bersifat deskriptif ini bertujuan menjelaskan serta mengenal pasti pemikiran tasawuf Abah Anom dalam *Miftāḥ al-Ṣudūr*. Hasil kajian menunjukkan bahawa karya Abah Anom *Miftāḥ al-Ṣudūr* menolak anggapan salah terhadap tasawuf dengan huraian yang merangkumi konsep tasawuf dan proses penyucian *qalb* melalui *takhliyah*, *taḥliyah* dan *dhikrullāh* selari berasaskan pegangan ulama tasawuf yang muktabar.

Kata Kunci: Tasawuf, Abah Anom, *Miftāḥ al-Ṣudūr*, Penyucian *Qalb*, *Dhikrullāh*

Abstract: Sufism and its spiritual orders (tarekat) have flourished across the Nusantara since about 1400 CE, serving as a spiritual methodology toward ultimate truth (hakikat) and gnosis (*ma'rifah*). This discipline integrates spiritual, intellectual, and physical dimensions of human development. Modern and postmodern currents, however, have fostered confusion and misconceptions about Sufism and tarekat knowledge among Muslim communities. These traditions are often portrayed as factors rendering Islam a difficult, burdensome faith that impedes societal progress. Shaykh Haji Ahmad Sohbulwafa Tajul Arifin (Abah Anom) ranks among leading Sufi scholars who sought to dispel such misunderstandings and uphold Sufism's integrity through *Miftāḥ al-Ṣudūr*. This work chronicles his personal spiritual journey toward realizing divine gnosis. This qualitative, descriptive study elucidates Abah Anom's Sufi thought as articulated in *Miftāḥ al-Ṣudūr*. The findings demonstrate that the text refutes erroneous views of Sufism through clear expositions of its core concepts and the heart-purification process (*tazkiyah al-*

qalb) - via *takhliyah* (emptying of vices), *tahliyah* (adorning with virtues), and remembrance of God (*dhikrullāh*) - in full accord with authoritative Sufi doctrines.

Keywords: Sufism, Abah Anom, *Miftāh al-Ṣudūr*, Heart-Purification Process, *Dhikrullāh*



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nurulhidayah Wahab, Abdul Manam Mohamad & Ahmad Bazli Shafie. 2026. Konsep Tasawuf Syekh Haji Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin Berdasarkan Kitab *Miftah al-Sudur* [Syekh Haji Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin's Views on Tasawuf with Special Reference to Kitab *Miftah al-Sudur*]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 6(1), 48-62.

PENGENALAN

Kedatangan Islam ke Nusantara telah membawa perubahan besar kepada masyarakat Melayu di rantau ini (Faudzinain, 2012). Tasawuf dan tarekat, dengan *manhaj* kerohanian dalam mencapai makrifat (Harun, 1991) amat berpengaruh dalam perkembangan Islam di Nusantara sejak 1400M (Abdul, 2007). *Manhaj* ini berjaya membentuk kesempurnaan akhlak dengan penekanan terhadap kesucian rohani dan kejernihan intelektual yang memberi sumbangan besar dalam perkembangan pelbagai disiplin ilmu (Muhyi al-Din, 2012). Walau bagaimanapun, kemurnian ajaran tasawuf tercemar akibat kecelaruan faham golongan pseudo-sufi dan kekeliruan masyarakat tentang hakikat sebenar tasawuf (Sa'īd Hawwā, 1998; al-Sulami, 1999). Tasawuf dan tarekat dianggap ajaran yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah.

Di samping itu, aliran moden dan pasca moden telah menimbulkan kekaburan dan salah faham terhadap ilmu tarekat dan tasawuf dalam kalangan masyarakat Islam. Tasawuf dan tarekat digambarkan sebagai punca Islam dipandang sebagai agama yang payah, membebankan dan menghalang kemajuan (Abdullah, 1994). Segelintir masyarakat Islam sendiri juga berpandangan negatif terhadap tasawuf dan menjauhi tarekat dan ajarannya (Harun Nasution, 1990; Juhaya, 1991; Asep, 2013). Konsep zuhud, fakir dan tawakal dalam tasawuf, umpamanya dilihat sebagai punca kepada keadaan umat yang tidak kompetitif dan mundur (Aqib, 2000).

Abah Anom (1915-2011) adalah antara tokoh ulama tasawuf yang giat berusaha meluruskan fahaman dan memurnikan ajaran tasawuf dalam kalangan masyarakat. Di sebalik persepsi negatif terhadap tasawuf dan tarekat, Abah Anom melihat tasawuf sebagai titik kekuatan dan institusi kerohanian yang dapat membawa kebahagiaan kepada manusia dalam kehidupan moden (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017). Beliau berjaya menyesuaikan pendekatan tarekat tanpa menjejaskan kemurnian ajaran tasawuf. Tarekat diterapkan sebagai satu disiplin rohani yang dapat memperkuat integriti, keikhlasan dan meluruskan matlamat kehidupan.

Dalam usaha beliau membetulkan salah faham terhadap ajaran tasawuf, Abah Anom menghuraikan kembali konsep utama tasawuf agar dapat memperbetulkan salah faham terhadap tasawuf yang bertembung dengan ilmu moden. Salah faham yang timbul disebabkan oleh ajaran tasawuf yang diterima masyarakat kurang jelas maknanya sehingga tidak mudah difahami oleh golongan awam. Ianya berpunca daripada pemahaman sedia ada mereka yang

terlibat dengan pengajian tasawuf tersebut yang sememangnya telah terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar (Azmah Manaf, 2017; Siti Aishah & Amer Basyer, 2025).

Penjelasan Abah Anom tentang faham ilmu tasawuf dimuatkan dalam sebuah karya *Miftāh al-Ṣudūr* yang menjadi rujukan terutamanya kepada murid beliau dalam memahami ilmu tasawuf dan *manhaj* serta disiplin tarekat bagi mencapai makrifat (Nurhamzah et. al., 2023; Mohd Yusaini et. al, 2020; Nursyahidah, 2018; Asep Salahudin, 2013). Ketokohan dan kewibawaan beliau berdasarkan latar belakang, sumbangan serta karya beliau, khususnya Kitab *Miftāh al-Ṣudūr*, dalam bidang tasawuf telah melahirkan ramai murid bertaraf ulama yang dihormati dalam masyarakat. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjelaskan mengenai beberapa aspek secara tuntas merangkumi perbincangan terhadap konsep tasawuf dari perspektif Abah Anom yang memfokuskan definisi tasawuf dan *manhaj* mencapainya berdasarkan karya beliau, *Miftāh al-Ṣudūr*. Perbincangan ini diharapkan dapat memurnikan salah faham yang timbul terhadap tasawuf.

METODOLOGI

Artikel ini adalah berasaskan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Data diperolehi dari sumber primer iaitu kitab *Miftāh al-Ṣudūr* dan karya-karya Abah Anom yang lain sebagai sumber sekunder dari tulisan yang berkaitan dengan subjek kajian. Proses menganalisis kajian ini melibatkan metode kualitatif dengan proses mengorganisasi data-data kepada paten, kategori dan analisis asas deskriptif (Norman et. al., 1994; Neuman, 2005; & Creswell, 2009). Data yang diperolehi dikenal pasti dan diklasifikasikan berasaskan tema konsep tasawuf yang diketengahkan dalam *Miftāh al-Ṣudūr* iaitu definisi tasawuf dan *manhaj* mencapainya. Dengan metode analisis deskriptif dan komperatif, pengkaji menjelaskan dan menganalisis konsep tasawuf dalam kitab *Miftāh al-Ṣudūr* merangkumi definisi tasawuf dan *manhaj* tasawuf yang diketengahkan.

Bagi mencapai objektif dalam kajian ini, pengkaji menggunakan model yang diperkenalkan oleh MAYRING iaitu melibatkan prosedur *summary*, *explication* dan *structuring* (Kolbacher, 2006). Teknik *summary* (ringkasan) dilakukan untuk mengenal pasti tema yang berkaitan dengan konsep tasawuf menjurus kepada definisi tasawuf dan *manhaj* tasawuf yang diketengahkan dengan membuat penjelasan terhadapnya. Analisis pada peringkat ini melibatkan pembacaan kesemua bab untuk mengenal pasti tema yang dikaji dan mengeluarkan data-data yang mempunyai kaitan dengan konsep tasawuf yang dikehendaki.

Kemudian, pengkaji mengaplikasikan teknik *explication* iaitu menjelaskan, menerangkan dan menganalisis data-data yang diperolehi hasil daripada proses *summary* berkenaan definisi tasawuf dan *manhaj*nya. Pengkaji dapat mengenal pasti dan mengkategorikan data-data dalam kelompok yang lebih spesifik kemudian membina rajah untuk melihat data-data yang berkait, kemudian meneruskan dengan teknik *structuring*. Teknik ini merupakan teknik yang paling penting dalam analisis kandungan kerana ianya dapat menstruktur data-data mengikut kandungan, bentuk dan skala (Kolbacher, 2006). Justeru, pengkaji menggunakan teknik ini kepada data-data definisi tasawuf dan *manhaj* tasawuf untuk mengenal pasti tema dan dibuat perbandingan antara pandangan Abah Anom dan ulama tasawuf mengenai definisi tasawuf dan *manhaj* mencapainya. Kajian ini turut menggunakan metode

induktif dan deduktif (Noraini, 2010; Noresah, 2007; Sabitha, 2005; Sidek, 2002) bagi menganalisis data dalam membuat sesuatu kesimpulan sama ada bersifat umum atau khusus.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Biografi Ringkas Abah Anom

Sejarah kehidupan Abah Anom sangat berkait rapat dengan sejarah gerakan Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah (TQN) yang merupakan salah satu tarekat muktabar di Indonesia. Tarekat ini adalah gabungan dari lima tarekat iaitu Qadiriyyah, Naqsyabandiyah, Anfasiyyah, Junaydiyyah dan Muwafaqah yang diasas dan disebar oleh Syeikh Ahmad Khatib ibn Abd al-Ghaffar al-Sambasi al-Jawi (w. 1875 M.), seorang ulama besar di Masjid al-Ḥarām yang berasal dari Kampung Dagang, Sambas Kalimantan Barat. Kelima-lima tarekat ini masing-masing memiliki keunikan dalam *'amaliyah* zikirnya. Tarekat Qadiriyyah dengan zikir *jahr*, Naqsyabandiyah dengan zikir *khafy*, Anfasiyyah pula dengan zikir pernafasan, Junaydiyyah dengan zikir setiap hari dalam seminggu dengan kalimat-kalimat zikir tertentu dan Muwafaqah dengan zikir *al-Asmā' al-Ḥusnā* (Abdul Manam, 2013).

Abah Anom merupakan tokoh ulama dan negarawan yang masyhur dalam kalangan masyarakat Indonesia. Beliau dilahirkan pada 1 Januari 1915 di Kampung Godebag, Suryalaya, Desa Tanjungkerta, Kecamatan Pagerageung, Kabupaten Tasikmalaya, Jawa Barat. Panggilan Abah Anom bermaksud Kiyai Muda, ianya adalah istilah Sunda. Beliau berasal daripada keluarga ilmuwan agama, di mana ayah beliau ialah Syeikh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad (Abah Sepuh), pengetua Pondok Pesantren Suryalaya yang merupakan pusat pengamalan TQN. Justeru, kehidupan Abah Anom terbentuk dalam suasana ilmu dan pengamalan tarekat. Perjalanan beliau dalam menuntut ilmu melalui tempoh yang agak lama di pelbagai institusi termasuk sekolah dan pesantren (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991).

Setelah menguasai ilmu-ilmu Islam, Abah Anom menggiatkan diri membantu Abah Sepuh untuk menguruskan pesantren sehinggalah pada tahun 1954 beliau dilantik sebagai wakil *talqin* TQN Pondok Pesantren Suryalaya ketika umur 39 tahun. Pada tahun 1956, beliau diamanahkan untuk menguruskan pesantren sepenuhnya (Mulyati, 2010; Asep Salahudin, 2013; Juhaya, 1991). Sepanjang menjadi pengetua pesantren dan pemimpin TQN, Abah Anom telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara terutamanya di Indonesia dalam pelbagai lapangan, antaranya; beliau memperkenalkan satu kaedah pemulihan mangsa penagihan dadah dan kerosakan akhlak yang dikenali sebagai *inābah* (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991). Abah Anom meninggal dunia pada hari Isnin, 5 September 2011 pada usia 96 tahun dan bertepatan dengan ulang tahun pesantrennya yang ke 106 (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991).

Keperibadian

Abah Anom adalah seorang tokoh yang terkenal dengan sifat cerdas, warak, zuhud dan bersemangat besar dalam menuntut ilmu sejak kecil lagi. Beliau seorang yang berwawasan dan berpandangan jauh seperti ayah beliau iaitu Abah Sepuh (Asep, 2013; Juhaya, 1991). Walaupun

mempunyai kedudukan tinggi sebagai mursyid TQN, beliau terkenal dengan sikap rendah hati, tidak menonjolkan karamah atau kelebihan rohaninya tetapi lebih menekankan adab dan akhlak. Dalam mendidik murid, beliau bersikap tegas terhadap disiplin ibadah dan zikir, namun tetap penuh kasih sayang serta memahami latar belakang sosial pengikutnya. Keperibadian beliau sebagai pendidik jelas terserlah melalui pendekatan *inābah*, yang menjadikan tasawuf sebagai kaedah pemulihan jiwa dan pembentukan sahsiah, khususnya individu yang mengalami keruntuhan moral (Sri Mulyati, 2010; Sri Mulyati et. al., 2011; Mohd Yusaini, 2021).

Selain itu, keperibadian beliau juga mencerminkan konsep zuhud yang seimbang dan berlandaskan syariat, selari dengan tasawuf muktabar. Zuhud menurut beliau tidak difahami sebagai penolakan mutlak terhadap dunia atau kehidupan sosial, tetapi sikap hati yang tidak terikat kepada kenikmatan duniawi. Keperibadian ini terserlah melalui gaya hidup Abah Anom yang sederhana, tidak menonjolkan kemewahan atau kedudukan walaupun beliau dihormati dan mempunyai pengaruh besar sebagai mursyid tarekat. Sikap zuhud ini membentuk peribadi yang tawaduk, tenang dan tidak mengejar kemasyhuran, sekali gus menolak fahaman bahawa tokoh tasawuf harus mengasingkan diri daripada masyarakat (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991).

Secara prinsipnya, Abah Anom tidak terlibat secara langsung dalam politik kepartian, sama ada sebagai ahli parti, calon pilihan raya atau aktivis politik. Keperibadian dan pendekatan beliau mencerminkan pendirian tasawuf yang berhati-hati terhadap politik kuasa, selaras dengan tradisi ramai tokoh sufi muktabar yang membezakan antara politik sebagai kuasa dan tanggungjawab sosial sebagai amanah agama. Namun, beliau terlibat dalam urusan masyarakat dan negara pada tahap nasihat, kerjasama sosial dan kebajikan khususnya melalui pendekatan *inābah*. Hubungan beliau dengan pihak kerajaan (peringkat tempatan atau nasional) lebih bersifat kerjasama strategik bagi menangani masalah sosial seperti penagihan dadah, keruntuhan akhlak dan krisis jiwa, bukan untuk kepentingan ideologi politik tertentu (Sri Mulyati, 2010).

Keperibadian ini jelas mencerminkan bahawa Abah Anom zuhud terhadap kekuasaan dan pengaruh duniawi yang dapat mengekalkan kewibawaan tasawuf sebagai institusi rohani yang bebas, dihormati oleh pelbagai pihak tanpa terikat dengan perubahan politik semasa. Abah Anom tidak berkecimpung secara langsung dalam politik kepartian sekalipun beliau akrab dengan pemerintah, malahan beliau tidak mengharapkan bantuan pemerintah dalam membangunkan pendidikan di pesantren (Asep Salahudin, 2013). Selain wawasan pemikiran dan bimbingan kerohanian beliau, Pondok Pesantren Suryalaya turut dibangunkan hasil sumbangan derma dan wakaf tanah beliau kepada lembaga pendidikan tersebut (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991).

Abah Anom sentiasa dihormati dan disegani kerana sifat kesederhanaan, walaupun beliau merupakan pimpinan Pesantren Suryalaya, mursyid TQN dan pengasas *inabāh* (Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991). Beliau seorang yang sangat menghormati tetamu berdasarkan sikap beliau melayani dan menyantuni tetamu tanpa membezakan status mereka sekalipun berbeza agama (Salahudin, 2013). Tetamu dan para pelajar yang berkunjung ke pesantren disediakan dengan jamuan sebanyak dua kali sehari secara rutin (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991). Sifat-sifat ini menunjukkan bahawa Abah Anom tidak mengasingkan diri dari masyarakat dengan hanya menumpukan perhatian kepada amalan ibadah, bahkan beliau seorang yang

sangat berdisiplin dengan membahagikan masa untuk mengurus pesantren, menyantuni masyarakat dan menumpukan waktu malam dengan ibadah dan munajat (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991).

Ketokohan

Ketokohan Abah Anom dari sudut keilmuan terserlah dari ijihad beliau merangka *manhaj inābah*. *Manhaj* ini dirangka bertunjangkan kekuatan spiritual yang bersumberkan zikrullah sebagai kaedah penyelesaian kepada penyakit sosial yang melanda masyarakat (Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991). Keilmuan dan keserjanaan beliau diakui dalam bidang Tasawuf dan feqah. Ulama yang hidup sezaman dengan Abah Anom bersepakat mengakui ketokohan beliau dalam bidang keimuan, khususnya ilmu tasawuf (Mulyati, 2010; Asep Salahudin, 2013; Juhaya, 1991). Beliau pernah menolak tawaran jawatan profesor dalam bidang tasawuf kerana ingin memfokuskan kepada sistem pendidikan tinggi di pesantren (Arief Ichwanie, 1991).

Ketokohan beliau diiktiraf oleh para ilmuwan dan ulama tempatan dan antarabangsa. Profesor Hamka dan Profesor Abu Bakar Atjeh adalah antara ilmuwan tempatan yang menerima amalan TQN dari Abah Anom (SINTHORIS, 2004). Pengiktirafan terhadap Abah Anom juga turut dinyatakan oleh KH. Dodi Firmansyah, dengan kenyataan daripada guru beliau iaitu Syeikh Muhammad Alawi al-Maliki (w. 2004M) bahawa Abah Anom adalah *Sulṭan Awliyā* (raja para wali) pada zaman ini (zaman beliau). Keadaan ini berlaku apabila beliau ditanya oleh guru beliau pada tempoh 40 hari menjelang wafatnya. Beliau terperanjat ketika *al-‘alāmah* tersebut tiba-tiba menanyakan perwatakan seorang guru (Abah Anom) yang telah menanamkan kalimat agung di lubuk hatinya. Secara spontan guru beliau (Syeikh Muhammad Alawi) menyebutkan bahawa “Syeikh Ahmad Shohibul Wafa Tajul Arifin adalah *Sulthonul Awliyā fi hadhā zamān* (rajanya para wali pada zaman ini)” bahkan beliau pun menyebutkan *qaddasallāhu sirrahu* bukan *radliyallāhu ‘anhu* seperti yang kebanyakan disebutkan oleh para Ikhwan. Walaupun secara zahir Syeikh Muhammad Alawy Al-Maliki belum bertemu dengan Abah Anom, keduanya telah mengenal secara rohani yang tidak dibatasi ruang dan waktu (Nuqthoh, 2010; Abdul Manam, 2020; Asep Salahudin, 2013; Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991).

Begitu juga dengan *‘Ālimul ‘Alāmah* al-Syeikh Muhammad Zaini Abdul Ghani al-‘Aydrus r.a (Guru Sekumpul) (w. 2005M) turut memberi pengiktirafan. Abah Guru Sekumpul dikenal sebagai seorang Wali Mursyid yang masyhur di kunjungi para alim ulama *ḥabāib* dari belahan dunia. Abah Guru Sekumpul pernah menyampaikan bahawa Abah Anom adalah lautan *ṭarīqah* dan berita ini disampaikan langsung kepada beliau dan di balasnya, Syeikh Muhammad Zaini Abdul Ghani adalah lautan ilmu (Asep Salahudin, 2013).

Selain itu, Syeikh Muhammad Nazim al-Haqqani (w. 2014M) iaitu ulama sufi dari Amerika Syarikat pernah menyatakan bahawa Abah Anom adalah wali Allah (Asep Salahudin, 2013). Dalam majalah Nuqthoh (Nuqthoh, 2010) Syeikh Muhammad Nazim al-Haqqani menyebut kedudukan Abah Anom sebagai *Sulthonul Awliyā* telah diakui sejak tahun 2001 yang lalu oleh para Ulama Sufi dan mereka telah mengakuinya hingga wafatnya. Ketika wafatnya Abah Anom pada September 2011, pengakuan langsung datangnya dari Syeikh Hisyam Kabbani (w. 2024M) kepada KH. Wahfiudin melalui email dengan mengungkapkan bahawa

Abah Anom sebagai *Sulthonul* (Raja) para *Awliyā* meninggalnya sangat beruntung berkumpul bersama para nabi dan para wali (Nuqthoh, 2010).

Selain itu, Habib Ali Batu Pahat (w. 2010M) (Malaysia) iaitu salah seorang wali Allah dan ahli *mukāsyifin* dari para hamba-Nya, sangat teliti, halus perhatiannya dan selalu memilih perkataan yang tepat untuk berbicara agar tidak keterlaluan atau berkurangan dalam ungkapannya. Beliau diberikan kesempatan sebanyak tiga kali menziarahi Abah Anom pada awal tahun 1997. Apabila mendengar nama Abah Anom, beliau menyatakan bahawa Abah Anom adalah penegak agama Islam (Nuqthoh, 2010).

Abah Anom menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat, sama ada dalam kalangan pemimpin atau rakyat dari golongan seniman, artis, intelektual, penjawat awam dan tokoh masyarakat. Setiap hari beliau bukan hanya menerima ratusan kunjungan tetapi mencecah ribuan pengunjung, terutama ketika program *manāqib* kerana ciri kepimpinan, sikap kasih sayang dan keprihatinan beliau (Asep Salahudin, 2013). Beliau juga turut menjadi tumpuan pelbagai media seperti Bandung Pos, Kompas, Pelita, Sinar Harapan, Monalisa, Femina dan lain-lain (Mulyati, 2010; Asep Salahudin, 2013; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991).

Menurut Martin Van Bruinessen, Abah Anom menjadi rujukan ajaran keagamaan dan dipandang tinggi kerana ketinggian ilmu beliau oleh mantan Presiden Indonesia, Soeharto sehingga ke akhir pemerintahannya (Asep Salahudin, 2013). Beliau juga turut dikunjungi oleh ahli politik Malaysia, antaranya Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Adruce, Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud, mantan Ketua Menteri Sarawak dan Tun Haji Sakaran Dandai, mantan Ketua Menteri Sabah pada tahun 1976 (Sri Mulyati, 2010; Juhaya, 1991; Harun Nasution, 1991).

Miftāḥ al-Ṣudūr

Kitab *Miftāḥ al-Ṣudūr* (Kunci Pembuka *Qalb*) adalah karya Abah Anom yang paling luas tersebar dalam masyarakat, khususnya di Suryalaya Tasikmalaya dan di Nusantara amnya. Kitab ini merupakan warisan *mursyid* TQN, masih dipelajari serta menjadi rujukan utama bagi ikhwan TQN dan di Pondok Pesantren Suryalaya (Arifin, 2014; Mulyati, 2010; Anding, 2005; Abduiahman, 2003; Nasution, 1991). Kitab *Miftāḥ al-Ṣudūr* adalah pemikiran dari pandangan dan wawasan Abah Anom tentang ajaran tasawuf berdasarkan penglibatan, pengamalan dan perjalanan tasawuf beliau dalam TQN yang disampaikan pada awalnya melalui ceramah dan tulisan yang kemudiannya dihimpunkan, disusun, ditelaah serta disempurnakan sendiri oleh Abah Anom secara berperingkat dalam tempoh masa yang cukup lama.

Kitab *Miftāḥ al-Ṣudūr* bertujuan supaya para *ikhwan* meneladani, meneliti jalan yang telah beliau lalui, mengamalkan, memperoleh ketegasan dan kemudahan dalam mempelajari tasawuf bagi mendapat ketenteraman jiwa dalam hidup di dunia dan kemenangan di akhirat (Harun Nasution, 1991; Anding, 2005; Mulyati, 2010; Ridwan, 2016; Abu Arif, 2017). Selain itu, kandungannya menjelaskan tentang hakikat tasawuf sebenar untuk menolak tanggapan yang salah terhadap tasawuf dengan memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat dan kepentingannya bagi mencapai kebahagiaan bersandarkan al-Quran, hadis, ijmak dan *qiyās* (Arifin, 2014; Mulyati, 2010; Anding, 2005; Abduiahman, 2003; Harun Nasution, 1991).

Pada tahun 2004, K.H. Noor Anom Mubarak menyerahkan naskah asli *Miftāḥ al-Ṣudūr* kepada Drs. Anding Mujahidin untuk diterjemahkan kembali ke dalam bahasa yang mudah

difahami secara meluas untuk meningkatkan dan mengembangkan ajaran tarekat (Anding, 2005). Justeru, karya ini telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dengan keizinan daripada Abah Anom untuk membantu *ikhwān* dan masyarakat umum dalam memahami ilmu tasawuf. Pada tahun 1969, Prof. Dr. H. Aboebakar Atjeh menterjemahkannya ke dalam bahasa Indonesia, Ustaz H. Ali Bin H. Mohammed pula menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu dan Mohd Hassan Mutaliff menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris (Arifin, 2014; Mulyati, 2010; Anding, 2005; Abduiahman, 2003; Harun Nasution, 1991).

Definisi Tasawuf

Tasawuf ialah ajaran atau usaha untuk mengenal Allah dan mendekatkan diri kepada-Nya melalui jalan kerohanian. Ia juga merujuk kepada ilmu tentang kerohanian pada peringkat tertinggi atau sempurna, serta ilmu untuk mendekatkan diri kepada Allah (Kamus Dewan, 2013). Dalam menjelaskan definisi tasawuf, Imām al-Qusyairī (w. 1074M) menyatakan bahawa tasawuf adalah ilmu yang bertujuan memurnikan tauhid dan mendekatkan diri kepada Allah berlandaskan syariat Islam secara ketat, berdasarkan disiplin penyucian hati dan memerangi hawa nafsu dilandasi akidah yang benar, bukan sekadar pengalaman mistik atau *syāṭahāt* (perkataan yang menyimpang) tetapi harus sejalan dengan al-Quran dan Sunnah serta adab yang mulia. Beliau menekankan syariat dan hakikat harus berjalan seiring, dengan *maqām* (tingkatan) dicapai melalui usaha dan *ḥāl* (keadaan spiritual) sebagai anugerah (al-Qusyayri, t.th; 2001).

Dalam hal ini, al-Ghazālī (w. 1111M) menjelaskan bahawa mencapai hakikat tasawuf merupakan tujuan tertinggi dan kesempurnaan bagi manusia kerana satu bentuk ilmu dalaman yang melangkaui sempadan pengetahuan dan rasional. Ianya membawa kebahagiaan hakiki di mana manusia akan mencintai Allah SWT dan mengabdikan diri secara total kepada-Nya. Al-Ghazālī menekankan pencapaian tasawuf adalah melalui disiplin rohani dan ilmu dalaman terus daripada Allah melalui amalan kerohanian. Beliau mengetengahkan beberapa pendekatan iaitu tasawuf *al-muamalah* (amalan) yang praktikal, fokus kepada *tazkiyah al-naḥs* melalui memperbaiki akhlak, amalan zahir (ibadah, puasa, *khālwat*) dan batin (*khawf*, *rajāʾ*, ikhlas) serta integrasi antara syariat dan hakikat untuk mencapai makrifat, bukan hanya teori semata-mata tetapi melalui penyucian diri dan penghayatan syariat (al-Ghazālī, t.th; 1998; 2000).

Tasawuf merupakan kemuncak cita-cita yang ingin dicapai dan yang dilalui oleh ahli sufi dengan mujahadah dan *riyāḍah*. Hakikat tasawuf boleh dicapai dengan mempertingkatkan tahap keyakinan dari *ʿilm al-yaqīn* ke tahap *ʿayn al-yaqīn*, iaitu keyakinan yang dicapai bukan sekadar melalui daya akal sahaja tetapi melalui *dhawq*, dan seterusnya hingga mencapai kemuncaknya pada tahap *ḥaq al-yaqīn* (al-Ghazālī, 1924; Shahrizal & Syed Hadzrullathfi, 2015).

Seiring dengan tasawuf menurut Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (w. 1166M) adalah menyucikan hati dan membebaskan nafsu dengan melakukan *khālwat* (menyendiri), *riyāḍah* (latihan spiritual), taubat, dan ikhlas dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah melalui penyucian jiwa dan amalan berlandaskan syariat Islam untuk mencapai *makrifatullah*. Al-Jaylani juga menekankan perilaku sufi haruslah seimbang iaitu tidak terpisah dari konteks hubungan individu dengan Allah dan juga hubungannya dengan manusia. Justeru, beliau

melarang seseorang mencebur dalam dunia sufi sebelum memahami syariatnya (al-Jilani, 1330; al-Jilani, 1993).

Syeikh Ahmad Ibn ‘Atāillāh (w. 1309M) menyatakan bahawa tasawuf berasal dari kata *ṣafā*’ iaitu suci bersih dan lawannya adalah kotor. Bersih yang dimaksudkan adalah bersihnya hati dari ketergantungan kepada selain Allah (*mā siwā Allāh*), berakhlak dengan akhlak Allah, melaksanakan perintah-Nya, menguasai hawa nafsu, dan terus menerus bersama-Nya. Beliau memberi penekanan pada pendekatan tasawuf moderat iaitu tidak meninggalkan dunia tetapi tidak juga bergantung kepadanya, serta memanfaatkan syariat sebagai jalan mendekatkan diri. Makrifat diperoleh melalui anugerah (*mawāhib*) dari Tuhan secara langsung atau melalui usaha keras (*makāsib*) seperti zikir, puasa dan ibadah lainnya (Ibn ‘Ajībah, t.th; al-Iskandariah, 1990).

Al-Tahanawi (w. 1745M) menyatakan bahawa tasawuf adalah ilmu yang mengkaji hal-hal batiniah (spiritual) dan penyucian jiwa untuk mencapai *makrifatullah* dengan memfokuskan kepada penyucian hati dan jiwa daripada penyakit rohani. Ianya menjadikan hati terang dengan cahaya ketuhanan untuk mencapai dan memahami kebenaran mutlak tentang Allah melalui pengalaman spiritual mendalam, bukan hanya pengetahuan intelektual semata-mata. Dalam hal ini, al-Tahanawi melihat tasawuf sebagai disiplin rohani yang komprehensif untuk menyempurnakan akhlak dan mencapai *taqarrub* dengan Allah (al-Tahanawi, 1996).

Maka jelas membuktikan hakikat tasawuf adalah matlamat tertinggi yang dicapai dalam kehidupan rohani. Pada tahap ini, manusia benar-benar mengetahui, mengasihi dan mengabdikan dirinya kepada Allah setelah melalui penyucian hati dan jiwa dari penyakit rohani sehingga mencapai kebahagiaan sejati dan pemahaman yang mendalam tentang *makrifatullah*. Penjelasan mengenai tasawuf yang dikemukakan adalah mengenai hal kerohanian seiring dengan syariat Islam, termasuk konsep tasawuf yang dikemukakan oleh Abah Anom.

Konsep Tasawuf Abah Anom

Tasawuf, menurut Abah Anom adalah ilmu yang menyampaikan seseorang kepada makrifat dan *maḥabbah*, iaitu mengenal Allah SWT, menyedari bahawa segala sesuatu yang terjadi adalah dari Allah SWT serta merasa bersama-Nya, melalui proses penyucian *qalb* mengikut disiplin tertentu (Ridwan, 2016; Mulyati, 2010; Anding, 2005).


Dalam ilmu tasawuf, *qalb* adalah tempat himpunan rahsia-rahsia keagungan Allah SWT yang akan terserlah apabila cermin *qalb* dibersihkan daripada segala sifat buruk seperti kebencian, hasad, iri, riak, dengki, cintakan dunia dan sebagainya, yang menjadi hijab dan menghalang daripada mencapai makrifat. Seterusnya, *qalb* perlu dihiasi dengan sifat-sifat terpuji seperti sifat sabar, tawakal, reda, ikhlas dan sebagainya (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:99). Proses *takhliyah* dan *tahliyah* ini merupakan *manhaj* yang utama dalam disiplin ilmu tasawuf seperti yang dinyatakan dalam Kitab *Miftāḥ al-Ṣudūr* (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:99):

وَالْتَّصَوُّفُ يَدْعُو إِلَى تَخْلِيَةِ الْقَلْبِ مِنَ الرَّدَائِلِ وَتَخْلِيَتِهِ بِالْفَضَائِلِ، وَعِنْدَئِذٍ تَسْتَوَلَى عَلَيْهِ الْأَنْوَارُ الْقُدْسِيَّةُ،
فَيَتَعَلَّقُ بِاللَّهِ وَيُؤَثِّرُهُ سُبْحَانَهُ عَلَى هَوَاهُ وَعَلَى كُلِّ مَا سِوَاهُ، لِأَنَّهُ جَلَّ جَلَالُهُ وَعَزَّ شَأْنُهُ هُوَ الْمَطْلُوبُ
وَالْمَرْغُوبُ وَالْمَحْبُوبُ، مِنْهُ إِبْتِدَاؤُنَا وَإِلَيْهِ انْتِهَاؤُنَا

Maksudnya: “Tasawuf mengajak kepada *takhliyah* (mengosongkan) *qalb* dari sifat yang tercela dan *tahliyah* (menghiasi) *qalb* dengan segala kebaikan. Pada saat itulah *al-anwār al-qudsiyyah* (cahaya suci) menguasai diri. Maka ia menjadi bergantung kepada Allah, ia lebih mendahulukan Allah daripada hawa nafsunya dan apa pun selain Allah. Sebab Allah ‘*azza wa jallā*’ adalah yang dicari, disukai dan yang dicintai, dari Allah kita berasal, dan kepada-Nya pula kita kembali.”

Tasawuf berdasarkan petikan tersebut ialah mengajak kepada *takhliyah qalb* daripada segala sifat tercela dan *tahliyah* dengan segala kebaikan sehingga diri dikuasai oleh *anwār al-qudsiyyah*. Jelas, proses *tazkiyah al-nafs* melalui *takhliyah* dan *tahliyah* merupakan aspek penting dalam disiplin ilmu tasawuf yang perlu dilalui untuk mencapai hakikat tasawuf (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:99).

Rajah 1 menunjukkan secara ringkas bagaimana konsep tasawuf menurut pemikiran Abah Anom:



Rajah 1 Konsep Tasawuf Menurut Pemikiran Abah Anom

Berdasarkan rajah 1, perkara yang menghalang manusia untuk memahami hakikat tasawuf ialah hijab pada *qalb*. Makrifat menurut Abah Anom lahir dari *qalb* yang terpancar daripada *nūr* yang terhasil apabila *hijāb* hati manusia (*kashf al-hijāb*) diangkat oleh Allah SWT dan dilimpahi dengan *nūr* makrifat-Nya. *Hijāb* yang menjauhkan seseorang dari Tuhannya ialah *ghaflah al-qalb* (lalainya hati) (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017: 112) yang terdiri dari perasaan *ḥubb al-dunyā*, godaan nafsu dan perdayaan syaitan. *Hijāb* menjadikan *qalb* lebih cenderung memilih *ḥubb al-dunyā* (cintakan dunia) yang didorong serta disokong oleh godaan nafsu dan tipu daya syaitan dengan kenikmatan dan keseronokan dunia. Gabungan perasaan *ḥubb al-dunyā*, godaan nafsu dan perdayaan syaitan akan menimbulkan kemahuan, keinginan, kecenderungan, pautan dan pergantungan kepada yang lain selain daripada Allah SWT yang menjadikan *qalb* lupa Allah SWT dengan sebab *aghyār* (sesuatu selain Allah SWT).

Keadaan *qalb* yang *ghaflah* (lupa) menenggelamkan ingatan seseorang daripada Allah SWT (iaitu keadaan *zulmah*) yang menimbulkan akhlak dan sifat buruk yang menjauhkan dari makrifat. *Qalb* yang *ghaflah* dan terhijab perlu dikembalikan kepada *qalb* yang ingat (*zikrullah*) supaya dapat memantulkan *anwār al-qudsiyyah* pada cerminan *qalb*nya. Oleh itu, proses

membersihkan cermin *qalb* yang terhibab menjadi perkara penting dalam tasawuf supaya dapat menghasilkan buah (akhlak) yang baik dan sifat-sifat *maḥmudah*. *Maḥabbah* Allah SWT mengatasi perasaan *ḥubb al-dunyā* sehingga dapat merasai *sirr* keagungan-Nya iaitu tercapainya hakikat makrifat. Justeru, apabila ilmu tasawuf dipraktikkan, *qalb* dapat menundukkan *ḥubb al-dunyā*, godaan nafsu dan perdayaan syaitan dengan hanya berpaut dan bergantung kepada Allah SWT, iaitu *qurb* (dekat) dan makrifat yang sebenar.

Manhaj Ahli Tasawuf

Pengertian makrifat adalah sinonim dengan pengertian tasawuf oleh Abah Anom berdasarkan beberapa istilah yang digunakan dengan maksud makrifat seperti ‘*ārif*, sufi, ahli makrifat dan tasawuf bahkan beliau turut berpandangan bahawa ‘*ārif* adalah sufi (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:158). Ahli tasawuf juga adalah ahli makrifat. Abah Anom memetik kalam Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī menyatakan bahawa (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:158):

وَقَالَ الشَّيْخُ عَبْدُ الْقَادِرِ الْجِيلَانِي قَدَّسَ اللَّهُ سِرَّهُ: وَلَمْ يَسَمَّ أَهْلُ التَّصَوُّفِ إِلَّا لِتَصْنِيفِهِ بِأَنْوَارِ الْمَعْرِفَةِ
وَالنُّوْجِيدِ

Maksudnya: Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī q.s berkata “Mereka disebut ahli tasawuf kerana kejernihan *qalb* mereka dengan cahaya makrifat dan *tawḥīd*.”


Menurut Abah Anom, makrifat adalah ukuran kepada kesufian seseorang. Ahli tasawuf adalah seseorang yang mempunyai kejernihan *qalb* yang terisi dengan *tawḥīd*. Mereka adalah ahli makrifat yang hatinya dipenuhi dengan *nūr* makrifat. Kejernihan *qalb* tercapai melalui proses *tazkiyah al-nafs* (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:99) yang memancarkan *nūr* kepada *qalb* sehingga terhasilnya *kashf al-hijāb*, *ḥudūr al-qalb*, *qurb* dan *ittiṣāl* dengan Allah SWT. Proses *tazkiyah al-nafs* (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:99) adalah jalan para sufi. Abah Anom, sebagaimana al-Ghazālī menjelaskan bahawa ahli sufi perlu melalui jalan *mujāhadah* untuk membersihkan cermin *qalb* yang terhibab (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:143):

الطَّرِيقُ الصُّوفِيَّةُ تَقْدِيمُ الْمَجَاهِدَةِ وَمَحْوُ الصِّفَاتِ الْمَذْمُومَةِ وَقَطْعُ الْعَلَاقِ كُلِّهَا وَالْإِقْبَالُ بِخُبْنِ الْهِمَّةِ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى. وَمَهْمَا حَصَلَ ذَلِكَ كَانَ اللَّهُ هُوَ الْمَتَوَلَّى لِقَلْبِ عِبَادِهِ وَالْمَتَكَلِّلُ بِأَنْوَارِ الْعِلْمِ. فَإِذَا تَوَلَّى اللَّهُ أَمْرَ الْقَلْبِ فَاضَتْ عَلَيْهِ الرَّحْمَةُ وَتَلَأَلَتْ فِيهِ حَقَائِقُ الْأُمُورِ الْإِلَهِيَّةِ. فَلَيْسَ عَلَى الْعَبْدِ إِلَّا الْإِسْتِعْدَادُ بِالتَّصْنِيفِ الْمَجْرَدَةِ وَاحْتِضَارِ الْهِمَّةِ مَعَ الْإِرَادَةِ الصَّادِقَةِ وَالتَّعَطُّشِ التَّامِّ وَالتَّرَصُّدِ بِدَوَامِ الْإِنْتِظَارِ يَفْتَحُهُ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الرَّحْمَةِ.

Maksudnya: “Jalan sufi itu didahului *mujāhadah* dan menghapuskan sifat-sifat tercela dan memutuskan seluruh ketergantungan [pergantungan] (dengan makhluk) dan mendekat [menghampiri] kepada Allah dengan penuh semangat. Apapun keadaannya, maka Allah menangani *qalb* hamba-hamba-Nya dan menjamin [memastikan] pencerahan *qalb*nya dengan cahaya ilmu. Bila Allah telah menangani urusan *qalb* seseorang, maka rahmat-Nya akan tercurah [dicurahkan] pada *qalb*, begitu juga hakikat urusan ketuhanan akan berkilau. Oleh kerana itu, tidak ada cara lain bagi seorang hamba Allah kecuali

membersihkan *qalbnya* secara menyeluruh, menghadirkan semangat yang disertai [ditemani] dengan keinginan yang jujur, tidak puas (untuk sifat positif) dan selalu menanti rahmat yang Allah kucurkan [curahkan] padanya.”

Berdasarkan kata-kata Abah Anom (Arifin, 1970; Abu Arif, 2017:143), difahami bahawa jalan sufi adalah satu manhaj kepada *qurb* yang memerlukan *mujāhadah* untuk menghapuskan sifat-sifat tercela. Dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa Allah SWT akan menjamin pencerahan *qalb* hamba dengan cahaya ilmu-Nya, *qalb* dilimpahi rahmat dan juga diterangi dengan kefahaman tentang hakikat urusan ketuhanan. Oleh kerana itu, seorang hamba perlu membersihkan *qalbnya* secara menyeluruh, menghadirkan *himmah* (semangat) disertai dengan keinginan yang jujur, tidak pernah merasa cukup dengan sifat-sifat *mahmudah* dan selalu menanti rahmat yang dicurahkan Allah SWT. Jelas ajaran tasawuf atau kesufian adalah satu disiplin ilmu Islam yang dapat membersihkan hijab pada cermin *qalb* bertujuan *taqarrub*, menuju *maḥabbah*, *mahabbah* dan mencapai tingkatan makrifat-Nya yang tertinggi. Secara ringkas, rajah 2 menunjukkan ciri-ciri ahli tasawuf atau ahli makrifat menurut Abah Anom seperti berikut:



Rajah 2 Ciri-ciri Ahli Tasawuf Menurut Abah Anom

Berdasarkan rajah 2, Abah Anom menyebutkan bahawa ciri-ciri ahli tasawuf atau ahli makrifat ialah *tasfiyah* (suci batin), *ṣafā'* (suci hati) dan *maḥabbah* (kasih kepada Allah SWT) melalui usaha *takhliyah* (membuang sifat-sifat buruk dan sesuatu selain Allah SWT) dan *tahliyah* (menghiasi dan ingat kepada Allah SWT). Orang yang mengamalkan tasawuf akan selalu menjaga kesucian atau kebersihan zahir batin dan meninggalkan setiap perbuatan-perbuatan kotor yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT (Mar'atus, Nur Jannah & Ifa Afida, 2020).

Ahli tasawuf perlu mengetahui cara menyucikan jiwa, menjernihkan akhlak, membangunkan zahir dan batin menuju makrifat dengan jalan tarekat di bawah bimbingan syeikh *'arifbillāh*. Justeru itu, bimbingan syeikh yang *'arifbillāh* melalui *al-sulūk* (pengembaran kerohaniaan di jalan kesufian) amat penting dalam proses pembersihan jiwa secara kerohanian iaitu *takhliyah al-nafs*, *tahliyah al-nafs* dan *tajalliyah al-nafs* agar mencapai maksud makrifat yang sebenar yang dicapai melalui pengalaman dan dirasai melalui *al-dhawq* (rasa atau kecapan rohani) (Zakaria, 1995).

Manhaj untuk membina akhlak mulia berdasarkan ajaran tasawuf ialah zikir (*dhikrullāh*) kerana hati yang sakit memerlukan rawatan jiwa. Hati dikatakan sakit apabila tidak mengetahui hikmah setiap sesuatu, tidak mencintai Allah SWT sepenuh hati, tidak merasakan kelazatan (*dhawq*) ketika beribadah, meninggalkan dan tidak mengutamakan zikir (al-Ghazali, t.t; Abu Hafsh, 1998). Bahkan, makrifat yang ditakrifkan oleh Abah Anom sebagai hadirnya hati dengan Allah SWT tercapai dengan sentiasa melazimi zikir. Al-Sakandari (1961) menyatakan bahawa zikir bermaksud hati sentiasa hadir berserta Allah SWT iaitu ingatan yang kuat lagi berterusan terhadap makna-makna ketuhanan Allah SWT dan terlepas daripada *ghaflah*. Takrifan ini selari dengan kenyataan al-Harawi (1962), al-Kamshakhanawi (1997) dan Muhammad Ibn Kakis yang menyatakan bahawa zikir ialah engkau hilang daripada kewujudanmu dengan *syuhūd* kepada-Nya iaitu makrifat kepada-Nya (al-Shatnufi, 2002). Jelas bahawa zikir adalah mengingati Allah SWT dan jauh dari *ghaflah qalb* sehingga mencapai makrifat-Nya (Thahirah et.al, 2014).

KESIMPULAN

Abah Anom merupakan tokoh ulama dan negarawan yang sangat teliti, cekal, tekun dan gigih dalam penghasilan karya *Miftāh al-Ṣudūr* dalam tempoh masa yang cukup lama. Daripada huraian yang telah diberikan, dapat disimpulkan bahawa beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu tasawuf. Konsep tasawuf yang dikemukakan memperlihatkan asas-asas pemikiran bercorak kerohanian yang merujuk kepada kalam beliau dan berpijak kukuh pada kerangka tasawuf Sunni berteraskan syariat Islam. Dalam dimensi spiritual, Abah Anom menekankan peranan tasawuf melalui pendekatan secara praktikal melalui penyucian jiwa sebagai asas kepada perubahan tingkah laku dan pembentukan insan yang seimbang. Penekanan diberikan kepada usaha *takhliyah qalb* daripada *hijāb* berbentuk *ghaflah al-qalb* yang terdiri dari perasaan *ḥubb al-dunyā*, godaan nafsu dan perdayaan syaitan sehingga kejernihan *qalb* terisi dengan *tawḥīd*, menjadikan *qalb* bergantung kepada Allah SWT, *qurb* (dekat) dan mencapai makrifat sebenar.

Konsep tasawuf ini dapat dikaitkan secara signifikan dengan pendekatan tasawuf moden melalui penekanannya terhadap keseimbangan antara zahir dan batin. Pendekatan ini bukan sahaja membetulkan salah faham terhadap tasawuf, malah mengangkat tasawuf sebagai metode pembinaan masyarakat berakhlak dan berdaya tahan dalam menghadapi krisis spiritual dunia moden melalui proses tarbiah rohani yang tersusun. Justeru, konsep tasawuf Abah Anom difahami sebagai pendekatan tasawuf kontekstual yang mengekalkan keaslian tradisi sambil menjawab keperluan rohani manusia moden kerana penyampaiannya yang mudah difahami dalam menerangkan permasalahan tasawuf.

RUJUKAN

Abdul Kohar, A.K. (2000). *Keberkesanan Program Pemulihan Dadah di Pondok Remaja Inabah Kuala Terengganu Dalam Memulihkan Pra Penagih*. Tesis B.A yang tidak diterbitkan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

- Abdul Manam, Mohamad. (2003). *Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah Pimpinan Tuan Hj. Ishaq Bin Muhammad Arif: Analisis Kritis Terhadap Doktrin, Amalan dan Pengaruh Penyebarannya di Malaysia*. Tesis yang tidak diterbitkan. Bangi: UKM.
- Abu Muhammad, Saifuddin. (1996). *Salah Faham Terhadap Ajaran Tasawuf*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ahmad Munawar, Ismail & Mohd Nor Shahizan, Ali. (2019). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sunawari, Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor: UKM.
- Anding, Mujahidin. (2005). *Kunci Pembuka Hati (Miftahus Shudur)*, Ed. Noor Anom Mubarak. Jakarta: PT Laksana Utama.
- Aqib, K. (2005). *Inabah Jalan Kembali dari Narkoba, Stres dan Kehampaan Jiwa*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Aqib, Kharisudin. (1999). *Al Hikmah Memahami Teosofi Tarekat Qadiriyyah wa Naqsyabandiyah*. Surabaya: Dunia Ilmu.
- Arifin, K.H.A. Shohibulwafa Tajul. (1970). *Miftāḥ al-Ṣudūr*. Tasikmalaya: Yayasan Serba Bhakti, Pesantren Suryalaya.
- Arifin, K.H.A. Shohibulwafa Tajul. (1991). *Ibadah Sebagai Metode Pembinaan Korban Penyalahgunaan Narkotika dan Kenakalan Remaja*. Tasikmalaya: Institut Islam Latifah Mubarakkiyyah.
- Arifin, K.H.A. Shohibulwafa Tajul. (2005). *Ibadah*. Tasikmalaya: PT Mudawwamah Warohmah.
- Arifin, K.H.A. Shohibulwafa Tajul. (2009). *Miftahus Shudur terj. Prof. K. H. Aboe Bakar Atjeh menjadi Kunci Pembuka Dada*. Jilid 1 dan jilid 2. Tasikmalaya, Jawa Barat: Yayasan Serba Bakti Surabaya.
- Arifin, K.H.A. Shohibulwafa Tajul. (T.th). *Akhlakul Karimah, Akhlakul Mahmudah*. Tasikmalaya: Yayasan Serba Bakti Pondok Pesantren Suryalaya.
- Azmah Manaf (2017). *Ajaran Taslim Manifestasi Krisis Kepercayaan Masyarakat Melayu*. In: Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarawan Malaysia 2017 Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia.
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah & Statistik Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Creswell, John. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research Third Edition*. United States: Pearson Education.
- Creswell, John. W. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. USA: Sage Publications. Inc.
- Al-Ghazālī. (1998). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn Juz. 1 (taḥqīq)*: Abu Hafsh Sayyid bin Ibrahim bin Shadiq bin 'Imran. al-Qahirah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Ghazālī. (2000). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil.1. Kaherah: Dār al-Taqwā li al-Turath.
- Harun Nasution. (1991). *Thariqah Qodariyyah Naqsabandiyah: Sejarah, Asal-Usul, dan Perkembangannya*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Hawwa, Said. (1998). *Tarbiyyah al-Ruhaniyyah*, terjemahan Khairul Rafie. Bandung: Pustaka Mizan.

- Al-Iskandari, Taj al-Din Ahmad ibn Ahmad ibn 'Ata' Allah. (t.th). *Miftah al-Falah wa Misbah al-Arwah*. Qahirah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladihi.
- Al-Jilani, 'Abd al-Qadir. (1330). *Futuh al-Ghayb*. Misr: Matba'ah Sharikah al-Tamaddun al-Sina'iyyah.
- Al-Jilani, 'Abd al-Qadir. (1993). *Sirr al-Asrar wa Mazhar al-Anwar fi Ma Yahtaju Ilayhi al-Abrar*. Damshiq: Dar al-Nabil.
- Juhaya s. Praja. (1995). *Model Tasawuf Menurut Syari'ah: Penerapannya Dalam Perawatan Korban Narkotika dan Berbagai Penyakit Jiwa*. Tasikmalaya: PT. Latifah Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolbacher. (2006). *The Use of Qualitative Content Analysis in Case Study Research*. (<http://www.qualitative-research.net/index.php/fqs/article/view/75/153> January%202006). [Diakses pada 7 Juli 2014].
- Al-Kurdi, Muhammad Amin. (2013). *Tanwir al-Qulub fi Mua'amalah 'Allam al-Ghuyub (Menerangi Qalbu) Cet. Pertama* (Penterjemah) M. Nur Ali. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Mohd Yusaini, Wi. (2021). *Konsep Dan Manhaj Pembinaan Akhlak Syeikh Ahmad Sahibulwafa Tajul Arifin*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam yang tidak diterbitkan. Terengganu: UniSZA.
- Mulyati, Sri. (2004). *Tarekat -Tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Mulyati, Sri. (2010). *Peran Idukasi Tarekat Qadariyah Naqsyabandiyah dengan Referensi Utama Suryalaya*. Jakarta: Kencana.
- Mulyati, Sri., et al. (2011). *Mengenal dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah Di Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Nuqthoh. (T.th). *Bacaan Pembela Hati Edisi Khusus Amaliyah TQN*. Ciamis: Yayasan Pesatren Simarasa.
- Al-Qusyairi, 'Abd al-Karim Ibn Hawazin. (2001). *Risalah Sufi al-Qusyairi*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qusyairi, Abu Qasim 'Abd al-Karim Ibn Hawazin. (T.th). *al-Risalah al-Qushairiyyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*. Mesir: Maktabah Muhammad 'Ali Sabih.
- Salahudin, Asep. (2013). *Abah Anom Wali Fenomenal Abad 21 & Ajarannya*. Jakarta: PT Mizan Publika.
- Salahudin, Asep. (2013). *Pangersa Abah Anom Wali Fenomenal Abad 21 & Ajarannya*. Jakarta: Noura Books.
- Siti Aishah, Samudin & Amer Basyer, Mohd Zaim. (2025). Kajian Kes Ajaran Sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Islam. Bil. 18. Isu 1. Halaman 56-82.
- Al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghanimi. (1979). *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tawzi.
- Al-Tahanawi, Shaykh al-Mawlawi Muhammad A'la Ibn 'Ali. (1966). *Al-Mawsu'ah Istilahat al-'Ulum al-Islamiyyah al-Ma'ruf bi Kashshaf Istilahat al-Funun*. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyyah